



**IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MYSTEP
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Institut Penilaian Negara (INSPEN) dengan ini mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan untuk berkhidmat di INSPEN, bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

| | |
|------------------------|--|
| JAWATAN/GRED | : PEMBANTU TADBIR / GRED 19 |
| GAJI DITAWARKAN | : RM1,700.00 |
| KEKOSONGAN | : SATU (1) |
| TEMPOH KONTRAK | : SEHINGGA 31 DISEMBER 2024 |
| KEMUDAHAN | : CARUMAN KWSP & PERKESO, CUTI REHAT SERTA CUTI SAKIT, DAN TUNTUTAN ELAUN MENJALANKAN TUGAS RASMI |

SYARAT KELAYAKAN

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan/atau kelayakan yang setaraf dengannya;
- (d) Sihat fizikal tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang penyakit;
- (e) Mampu bekerja dalam situasi yang mendesak dan boleh menyiapkan tugas mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan;
- (f) Berkebolehan menggunakan perisian Microsoft Word, PowerPoint, Excel dan mengendalikan media sosial;
- (g) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- (h) Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik melibatkan pelbagai peringkat masyarakat; dan
- (i) Boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum.

DESKRIPSI TUGAS

- (a) Membantu dalam pengurusan hal ehwal pentadbiran dan kewangan di Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPDI);
- (b) Menguruskan fail, surat menyurat, inventori, tempahan bilik mesyuarat, tempahan pengangkutan, fasiliti, media, makanan dan sebagainya untuk PPDI;
- (c) Membantu mengendalikan pengurusan majlis jabatan khususnya membantu urusan kelancaran dan persiapan bagi penganjuran *International Real Estate Research Symposium* (IRERS);
- (d) Membantu menyediakan laporan bulanan, tahunan dan laporan untuk sesuatu mesyuarat yang berkaitan PPDI;
- (e) Membantu pengumpulan data dan kerja-kerja pemasukan data;
- (f) Membantu pengurusan pembantu lapangan (enumerators) penyelidikan; dan
- (g) Membantu dalam urusan penghasilan bahan penerbitan jabatan yang telah dirancang.

CARA MEMOHON

- (a) Calon-calon yang berminat hendaklah menghantar *resume* berserta gambar terkini berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan salinan sijil akademik yang berkaitan kepada e-mel noraini@inspen.gov.my.
- (b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sebulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak Berjaya.
- (d) Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini, sila hubungi Puan Noraini binti Samsuri di talian 03-8911 8800 sambungan 1044.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 17 April 2024